

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 31 Julai 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

MEMPERKUKUH PIAWAIAN METADATA: MALAYSIA JADI TUAN RUMAH BENGKEL ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN KAPASITI SERANTAU

SUNGKAI, PERAK – 31 Julai 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama United Nations Statistics Division (UNSD), Asian Development Bank (ADB) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), menjadi tuan rumah Bengkel Antarabangsa bagi *Advance Statistical Data and Metadata Exchange* (SDMX) yang berlangsung di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) bermula dari 28 hingga 31 Julai. Bengkel ini menghimpunkan lebih daripada 30 peserta, termasuk pakar statistik, profesional data dan pegawai teknologi maklumat dari Organisasi Statistik (NSO) Bhutan, Brunei Darussalam, India, Indonesia dan Malaysia.

Bengkel berimpak tinggi ini mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam memajukan piawaian data global dan membangunkan ekosistem berdaya tahan dipacu data yang menyokong pembangunan inklusif. Ia menandakan pencapaian strategik dalam pembangunan kapasiti dan memperkasa institusi untuk melaksanakan tadbir urus berstruktur, saling boleh kendali dan metadata yang mengikut piawaian. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin yang menekankan nilai transformatif SDMX dalam mempertingkatkan kesepaduan institusi dan kepercayaan awam. "Bengkel ini melengkapkan komuniti statistik untuk menerajui SDMX sebagai asas strategik, bukan sahaja untuk saling boleh kendali secara teknikal tetapi juga untuk meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan impak statistik rasmi," ujar beliau.

Bengkel ini menyumbang kepada usaha berterusan untuk memodenkan ekosistem statistik. SDMX disokong oleh peneraju organisasi antarabangsa termasuk UN, IMF, World

Bank, OECD dan Eurostat yang memacu pertukaran dan penyelarasan data secara lancar bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap statistik yang tepat pada masanya, berkualiti tinggi dan boleh dibandingkan selaras dengan agenda global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Dengan menggalakkan dialog dan perkongsian pengetahuan, bengkel ini menyokong pemodenan sistem statistik dan memperkukuh struktur tadbir urus untuk pembangunan negara dan kerjasama serantau. Melalui kerjasama secara kolektif, NSO dapat mempelajari kejayaan dan cabaran antara satu sama lain, sekali gus mempercepat kemajuan ke arah sistem statistik yang lebih harmonis dan bersepadu.

Kemajuan Malaysia dalam tadbir urus metadata mencapai kemuncak pada tahun 2025 apabila negara ini menduduki tangga teratas dunia dalam *Open Data Inventory (ODIN) 2024/25* oleh Open Data Watch. Dengan memperoleh skor keseluruhan 90 dan skor keterbukaan cemerlang sebanyak 99, Malaysia membuktikan komitmennya terhadap ketelusan, kualiti data dan akses terbuka. Pengiktirafan ini mencerminkan kekuatan platform penyebaran dipacu metadata Malaysia, OpenDOSM dan penjarangannya dengan piawaian antarabangsa dari segi kebolehgunaan dan tadbir urus data. “Pencapaian ini bukan sahaja satu kejayaan negara. Ia merupakan seruan serantau untuk memperkukuh kepercayaan awam terhadap statistik rasmi dan memupuk budaya keterbukaan serta literasi statistik,” kata Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Satu perubahan besar dalam statistik pertanian, DOSM telah melancarkan Papan Pemuka TaniStats semasa pembentangan Laporan Interim Banci Pertanian 2024 baru-baru ini. TaniStats merupakan platform transformatif yang menggalakkan pemantapan piawaian metadata, integrasi data, dan penggunaan semula sistem merentas sektor. TaniStats mencerminkan komitmen Malaysia dalam membangunkan infrastruktur yang adaptif bagi menyokong inovasi sektor awam dan reka bentuk dasar yang inklusif. Usaha ini sejajar dengan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025, yang mendorong penglibatan berimpak tinggi seperti Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN ke-15 (ACSS15) dan Persidangan Statistik ASEAN pada bulan November. Kesemua inisiatif ini menandakan komitmen serantau yang kukuh terhadap transformasi digital, literasi statistik dan pembangunan yang didorong oleh data berkualiti.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa penyepaduan piawaian data berstruktur dengan rangka kerja seperti *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) adalah penting untuk memperkukuhkan kesepaduan, ketelusan dan penggubalan dasar berasaskan bukti. Falsafah ini menjadi asas kepada halatuju strategik DOSM yang mengiktiraf data sebagai aset negara yang penting untuk analisis ekonomi, inovasi dan tadbir urus yang berwibawa. “Dengan statistik yang berkualiti, kita memiliki wahana yang ampuh untuk membuat keputusan yang tepat dalam memastikan tiada sesiapa yang tercicir.”

Selaras dengan visi ini, DOSM sedang membuat persiapan untuk Banci Ekonomi 2026. Pelaksanaan banci secara komprehensif akan menghasilkan data yang terperinci dan bernilai tinggi bagi memperkukuh daya tahan ekonomi dan panduan pembentukan dasar di semua peringkat pentadbiran. “Secara ringkas dari perspektif ekonomi, kita tahu bahawa kehendak manusia adalah tidak terbatas. Oleh itu, adalah penting untuk kita memperuntukkan sumber yang terhad dengan bijak, berlandaskan data yang tepat dan analisis yang kukuh,” ujar beliau. “Statistik bukan sekadar angka, tetapi kompas strategik bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Dengan menerima SDMX dan memperkasa literasi statistik, kita memastikan statistik rasmi terus menjadi asas yang kukuh bagi pembuatan keputusan berasaskan bukti.”

Menyuarakan keyakinan bahawa "Statistik Nadi Kehidupan" dan berpandukan seruan global untuk "Memacu Perubahan melalui Statistik dan Data Berkualiti untuk Semua," inisiatif ini menyerlahkan komitmen Malaysia terhadap data yang dipercayai sebagai tonggak kepada ketahanan dan kemajuan yang saksama. Kekuatan sesuatu sistem statistik bukan terletak pada datanya semata-mata, tetapi pada cara naratifnya dikongsi, diselaraskan dan difahami dengan baik.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 31st 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

ELEVATING METADATA STANDARDS: MALAYSIA HOSTS HIGH-LEVEL WORKSHOP FOR REGIONAL CAPACITY BUILDING

SUNGKAI, PERAK – July 31, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM), in collaboration with the United Nations Statistics Division (UNSD), Asian Development Bank (ADB) and the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), proudly hosted the Advanced International Workshop on Statistical Data and Metadata Exchange (SDMX) at the Malaysia Statistical Training Institute (ILSM) from July 28 to 31. The workshop welcomed over 30 participants, including statisticians, data experts, and IT developers from the National Statistical Offices (NSOs) of Bhutan, Brunei Darussalam, India, Indonesia, and Malaysia.

This pivotal event highlighted Malaysia's leadership in advancing global data standards and cultivating a resilient, data-driven ecosystem that supports inclusive development. It marked a strategic milestone in capacity-building, empowering institutions to strengthen the adoption of structured, interoperable, and metadata-rich governance. Officiated by Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the opening ceremony underscored the transformative value of SDMX in enhancing institutional coherence and public trust. "This workshop continues to equip our community to champion SDMX as a strategic foundation, not only for technical interoperability but for improving the accountability, transparency, and impact of official statistics," he shared.

The workshop contributes to ongoing efforts to modernise statistical ecosystems. SDMX, endorsed by leading international organisations including the UN, IMF, World Bank, OECD, and Eurostat, supports seamless data exchange and harmonisation to meet rising demands for timely, high-quality, and comparable statistics aligned with global agendas such as the Sustainable Development Goals. By fostering dialogue and the exchange of

knowledge, this workshop supports the modernisation of statistical systems and reinforces governance structures that are critical for national development and regional collaboration. Through collaborative engagements, NSOs can learn from each other's successes and struggles, accelerating progress towards more harmonised and integrated statistical systems.

Malaysia's progress in metadata governance peaked in 2025 with its top global ranking in the Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 by Open Data Watch. Achieving an overall score of 90 and an exceptional openness score of 99, the country demonstrated its commitment to transparency, data quality, and open access. This recognition reflects the strength of Malaysia's metadata-driven dissemination platform, OpenDOSM, and its alignment with international standards for usability and stewardship. "This achievement is not only a national milestone. It is a regional call to build public trust in official statistics and foster a culture of openness and statistical literacy," said Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

A game changer for agriculture statistics, the Department launched TaniStats Dashboard during the release of Interim Report of Agriculture Census 2024 recently. TaniStats is a transformative platform promoting metadata standardisation, data integration, and system-wide reuse across sectors. TaniStats reflects Malaysia's commitment to developing adaptive infrastructure that supports public sector innovation and inclusive policy design. These efforts align with Malaysia's role as ASEAN Chair in 2025, driving high-impact engagements such as the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) and the ASEAN Statistical Conference in November. Together, they signal strong regional commitment to digital transformation, statistical literacy, and development powered by quality data.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin emphasised that integrating structured data standards with frameworks like the Generic Statistical Business Process Model is essential to strengthening coherence, transparency, and evidence-based policymaking. This philosophy underpins DOSM's strategic direction, recognising data as national asset crucial to economic analysis, innovation, and sound governance. "With quality statistics, we hold powerful tools for making informed decisions, tools that ensure no one is left behind."

In line with this national vision, DOSM is preparing for the Economic Census 2026. The comprehensive exercise will generate granular, high-value data to strengthen economic resilience and guide policy across all administrative levels. "From a simple economic perspective, we know that human wants are infinite. That is why it is vital for us to allocate our limited resources wisely, based on accurate data and sound analysis," he concluded. "Statistics serve not just as numbers, but as a strategic compass for sustainable and inclusive growth. By embracing SDMX and advancing statistical literacy, we ensure our official statistics remain a reliable foundation for evidence-based decision-making."

Echoing the belief that "Statistics is the Essence of Life" and guided by the global call to "Drive Change with Quality Statistics and Data for Everyone," this initiative highlights Malaysia's commitment to trusted data as a cornerstone of resilience and equitable progress. Because the strength of a statistical system lies not in its data alone, but in how well its stories are shared, harmonised and understood.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31 JULY 2025**